



## **KENYATAAN MEDIA**

**Bil. 34 / 2022**

### **PENGELUARAN KERTAS UNDI POS BAGI PILIHAN RAYA UMUM KE-15 (PRU KE-15) DAN PILIHAN RAYA KECIL DEWAN UNDANGAN NEGERI (PRK DUN) N.66 BUGAYA, SABAH**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah mengeluarkan sebanyak **365,686 kertas undi pos** kepada yang berhak untuk mengundi secara pos seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 bagi PRU Ke-15 dan PRK DUN N.66 Bugaya, Sabah. Pengeluaran kertas undi pos bermula pada **7 November 2022** oleh Petugas Pilihan Raya di **kesemua 222 kawasan Parlimen dan 117 Dewan Undangan Negeri/Dewan Negeri**.
2. Kesemua **365,686 kertas undi pos** tersebut terdiri daripada **299,097 kategori Borang 1A** (Petugas Pilihan Raya, Ahli/Pegawai SPR, Anggota Polis, Anggota Tentera, dan Petugas Media), **48,109 undi pos bagi kategori Borang 1B** (warganegara Malaysia yang berada



di luar negara), **15,739 kategori Borang 1C** (Agensi dan Organisasi) serta **2,741 Pengundi Tidak Hadir (PTH) Luar Negara**.

3. Proses pengeluaran kertas undi pos ini dijalankan dengan kehadiran **ejen undi pos daripada semua calon yang bertanding**.
4. SPR mengingatkan kepada semua pengundi pos supaya membuat penandaan pada kertas undi, mengisi dengan lengkap dan betul borang Pengisytiharan Identiti (Borang 2) serta segera mengembalikannya kepada Pegawai Pengurus berkenaan **sebelum jam 5.00 petang** pada Hari Mengundi iaitu pada **19 November 2022 (Sabtu)**.
5. Pengundi juga diingatkan agar sentiasa menjaga kerahsiaan undi masing-masing dengan tidak merakam gambar kertas undi pos dan menularkannya di laman media sosial.

Sekian, terima kasih.

**DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK**

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

15 November 2022 / 20 Rabiulakhir 1444H